

Kejohanan Sukan Staf Antara Zon UniMAP 2010

Pusat Sukan UniMAP telah menganjurkan kejohanan ini bertujuan mencari bakat-bakat baru di kalangan staf untuk ke Kejohanan Sukan Staf yang akan berlangsung di USM Pulau Pinang pada bulan Jun 2010 nanti. Kejohanan Sukan Staf Antara Zon bermula pada 22 hingga 28 Mac 2010 ini melibatkan 4 Zon iaitu Zon Kuning, Zon Biru, Zon Hijau dan Zon Merah.

Bagi Zon Kuning mewakili Jabatan Canselori, Pembangunan, Perpustakaan dan Pusat Sukan. Zon Biru Pusat Pengajian, Pusat Kejuruteraan dan Pusat Kerjasama Industri. Manakala Zon Hijau HEPA & Kolej Kediaman, ICT dan PALAPES dan Zon Merah Keselamatan, Pendaftar, Bendahari dan SUKSIS.

Permainan sukan yang telah disenaraikan dalam kejohanan ini adalah Baminton Campuran, Bola Jaring Senior, Bola Sepak Veteran, Bola Tampar L/W, Futsal L/W/V, Dart L/W, Karom L/W, Ping Pong L/W, Sepak Takraw Berpasukan dan Tarik Tali.

**Pemenang
Mengikut Zon
Rumah**

KEDUDUKAN	RUMAH
Johan	Kuning
Naib Johan	Hijau
Ketiga	Merah
Keempat	Biru